

# Nasihat PM kepada pengusaha Selatan

BH 3 APR 1994

# Runtuhkan rintangan

Dr MAHATHIR MUHAMMAD

Daripada Mustafa Al-Bakri Baharom

BULAWAYO (Zimbabwe), Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengeluar di negara membangun boleh bersaing di pasaran antarabangsa jika mereka dapat meruntuhkan rintangan yang menyebabkan kebuntuan daya saing mereka.

Menurut Perdana Menteri, antara rintangan itu ialah kurang pengetahuan mengenai pasaran dan teknologi, penekanan kepada pasaran domestik dan terlalu bergantung kepada pembekal dan pembeli tradisional asing.

"Akibatnya, ketahanan negara membangun tergugat dan daya saing mereka menjadi terhad. Banyak negara membangun, malah negara yang ditakrif negara mundur adalah kaya dengan sumber asli.

"Jika negara yang kekurangan sumber asli boleh mencapai kemajuan ekonomi, tiada alasan negara Selatan tidak boleh mengecap pembangunan pesat," katanya ketika merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa Zimbabwe (ZITF) 1994 di sini.

Turut hadir ialah Presiden Robert Mugabe dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Bulawayo, 450 kilometer di barat daya Harare adalah bandar raya kedua terbesar di Zimbabwe dengan kira-kira 600,000 penduduk. Bandar raya bersejarah yang digelar 'bandar raya raja-raja' ini adalah pusat perlombongan, perdagangan dan perindustrian.

Dr Mahathir diberikan penghormatan sebagai negarawan dari luar Afrika yang pertama merasmikan pameran tujuh hari itu yang dimulakan sejak 1960.

Sebanyak 34 negara dengan lebih 1,000 syarikat, termasuk 14 dari Malaysia, mengambil bahagian.

Peserta negara ialah EON, Proton, Berjaya Group Bhd, Petronas, DMIB Berhad, Silverstone Tyre & Rubber Co Sdn Bhd, Mechmar Boilers Sdn Bhd, UMW Corporation Sdn Bhd, L.B. Food Sdn Bhd, Alinamin (Malaysia) Sdn Bhd, Intraco Hardware (M) Sdn Bhd, Welding Industries (M) Sdn Bhd, Orgavyl Chemical Ind Sdn Bhd dan Malaysian Palm Oil Promotion Council.

Perdana Menteri berkata, ZITF 1994 adalah arena penting bagi pengeksport dari negara Selatan memasarkan barangan di rantau ini.

Katanya, ia membuka peluang kepada ahli perniagaan untuk bertemu dan berbincang bagi mengenal pasti bidang tertentu yang menjadi kepentingan bersama dan memupuk kerjasama Selatan-Selatan.

Katanya, kekurangan maklumat mengenai keupayaan dan kemampuan pengeluaran di kalangan negara membangun menjejaskan perhubungan perdagangan di antara mereka.

Dalam hubungan ini, G-15 sudah menubuhkan Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) di Kuala Lumpur yang menyediakan maklumat mengenai pasaran baru dan pembekal kepada usahawan.

Beliau menyambut baik langkah Zimbabwe mengadakan reformasi

LIHAT MUKA 4

## Tiada sebab negara Selatan tidak boleh kaya

DARI MUKA 1

ekonomi dengan memperkenalkan dasar yang lebih liberal selaras dengan pasaran sejagat.

Zimbabwe menganggotai Pasaran Bersama Timur dan Selatan Afrika (Comesa) dan Kumpulan Perdagangan Selatan Afrika (SADC) yang mempunyai lebih 230 juta penduduk dan Keluaran Dalam Negara Kasar bernilai AS\$152.3 bilion (RM408 bilion).

Ini adalah peluang pelaburan dan perdagangan yang besar bagi ahli perniagaan dari luar rantau ini.

Selepas itu, ketika berucap kepada ahli perniagaan Malaysia dan Zimbabwe di jamuan makan

malam di sini, Dr Mahathir berkata, syarikat Malaysia sedia berkongsi kepakaran dengan syarikat tempatan bagi faedah bersama.

Menurutnya, syarikat Malaysia berminat dalam bidang perlombongan, perladangan, pemrosesan hiliran pertanian, bahan galian dan sumber asli, projek infrastruktur, telekomunikasi, khidmat perunding kejuruteraan dan pelancongan.

Beliau berkata, syarikat Malaysia yang menyertai bidang berkenaan di negara membangun boleh memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi Zimbabwe.